

# ESSO sumbang cek RM35,000

Serdang : Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima cek bernilai RM35,000 sumbangan ESSO pada 12 Ogos yang lepas bertempat di Fakulti Perhutanan, UPM. Cek ini telah disampaikan oleh Datuk Philip J. Dingle, Pengurus Syarikat-Syarikat ESSO Malaysia kepada UPM yang diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Sumbangan ini adalah untuk membiayai program Kuiz Sains Alam Semula Jadi 1998 dan Eseiton 1998. Kedua-dua aktiviti ini merupakan sebahagian daripada program penggalakan sains pelajar sekolah yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Perhutanan UPM.

Prof. Tan Sri Syed Jalaludin menyatakan harapannya agar Kuiz Sains Alam Semulajadi dan Eseiton, keprihatinan terhadap pengurusan sumber, khususnya sumber hutan, secara rasional dapat diterap di hati pelajar-pelajar.

Prof. Syed berkata, "Penyertaan kuiz dan eseiton semakin meningkat setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa pemupukan rasa cinta terhadap alam semulajadi kian bertambah di kalangan pelajar sekolah, khususnya. Secara tidak langsung ia merupakan satu strategi yang cukup berkesan kerana di sinilah dapat kita tanam ke jiwa anak-anak kita semangat untuk menjaga keindahan, pengekalan dan kestabilan alam sekitar."

